

Bil. S 29

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN) (BIL. 2), 2014**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
  2. Pindaan bab 4 dari Penggal 167.
  3. Pemasukan bab 5A baru.
  4. Tambahan Jadual baru.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AKTA TABUNG AMANAH PEKERJA (PINDAAN) (BIL. 2) 2014**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuat kuasa.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tabung Amanah Pekerja (Pindaan) (Bil. 2), 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2014.

**Pindaan bab 4 dari Penggal 167.**

2. Bab 4 dari Akta Tabung Amanah Pekerja, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam ceraiian (9), dengan memotong “ditetapkan” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “diisytiharkan”.

**Pemasukan bab 5A baru.**

3. Akta itu adalah dipinda, dengan memasukkan sejurus selepas bab 5, bab baru yang berikut —

“Pemindahan tugas, harta dll.

5A. Peruntukan-peruntukan Jadual hendaklah berkuat kuasa bagi maksud pemindahan kepada Lembaga tugas-tugas, harta dan bagi maksud-maksud peralihan lain yang dinyatakan dalam Jadual.”.

**Tambahan Jadual baru.**

4. Akta itu adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

“JADUAL (bab 5A)

**PEMINDAHAN TUGAS, HARTA DLL. KEPADA LEMBAGA**

**Pembubaran Lembaga Pencen Caruman Tambahan.**

1. Pada 1hb April 2014, Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dibubarkan.

**Kuasa Lembaga untuk menjalankan tugas dan kuasa di bawah S 38/2010.**

2. (1) Pada 1hb April 2014, Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya yang dinyatakan dalam Akta ini, menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala tugas dan kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Lembaga Pencen Caruman Tambahan di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010).

(2) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah dianggap sebagai suatu keputusan Lembaga.

(3) Apa-apa kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah, setakat mana ia tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan Akta ini, dianggap sebagai suatu kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Lembaga.

(4) Apa-apa perakuan, notis, perintah, arahan atau pengisytiharan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah dianggap sebagai suatu perakuan, notis, perintah, arahan atau pengisytiharan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Lembaga atau seseorang pegawai Lembaga.

(5) Jika dalam apa-apa dokumen yang dibuat sebelum 1hb April 2014 berhubungan atau berkaitan dengan Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010), apa-apa sebutan dibuat kepada Lembaga Pencen Caruman Tambahan, sebutan itu hendaklah, mulai dari 1hb April 2014, dibaca sebagai Lembaga Tabung Amanah Pekerja.

(6) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, membuat perkecualian lain atau peruntukan-peruntukan peralihan yang pada pendapatnya sebagai perlu atau mustahak bagi maksud-maksud perenggan ini.

**Pemindahan harta, aset dan liabiliti.**

3. (1) Pada 1hb April 2014, semua harta yang terletak hak pada Lembaga Pencen Caruman Tambahan dan semua aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti dan obligasi Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa jaminan lanjut.

(2) Jika apa-apa persoalan timbul tentang sama ada apa-apa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi tertentu telah dipindahkan

kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan kecil (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi itu dipindahkan atau terletak hak demikian atau tidak dipindahkan atau terletak hak demikian.

**Pemindahan pekerja.**

4. (1) Pada 1hb April 2014, semua orang yang diambil bekerja sejurus sebelum tarikh itu oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga atas terma-terma yang tidak kurang baiknya dari terma-terma yang mereka nikmati sejurus sebelum pemindahan mereka.

(2) Sehingga masa apabila skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan disediakan oleh Lembaga, skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan di Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah terus dikenakan kepada tiap-tiap orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan kecil (1) seolah-olah dia masih dalam perkhidmatan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.

**Kontrak, perjanjian dll. sedia ada.**

5. Semua kontrak, surat ikatan, bon, perjanjian, instrumen dan penyusunan kerja, yang ada sejurus sebelum 1hb April 2014 yang Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, menjadi suatu pihak kepadanya dan berkaitan dengan —

(a) apa-apa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi yang dipindahkan kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan 3(1); atau

(b) mana-mana pekerja Lembaga Pencen Caruman Tambahan yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan 4(1),

hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh itu dan hendaklah dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah, sebagai ganti Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau seseorang yang bertindak bagi pihak Lembaga Pencen Caruman Tambahan, Lembaga telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

**Prosiding belum selesai.**

6. Mana-mana prosiding atau alasan tindakan yang belum selesai atau wujud sejurus sebelum 1hb April 2014 oleh atau terhadap Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Lembaga Pencen

Caruman Tambahan boleh diteruskan dan hendaklah dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga.”.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Sya'aban, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 4 haribulan Jun, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM